

**JAWAPAN: YB DATUK SERI IR. Dr. WEE KA SIONG,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, Bahagian Kampung Baru, Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan peruntukan sebanyak RM60.7 juta untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di Kampung Baru. Peruntukan ini akan digunakan bagi menyediakan atau menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial seperti jalan, longkang, dewan orang ramai, balai raya, kemudahan riadah dan lain-lain di Kampung Baru.

Projek-projek kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial ini bertujuan mempertingkatkan akses penduduk kampung kepada kemudahan infrastruktur yang berkualiti, meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna dan untuk menggalakkan penduduk kampung menjalankan kegiatan sosial dan aktiviti kemasyarakatan. Kecekapan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur terlibat seterusnya dapat menyokong pembangunan aktiviti ekonomi tempatan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk kampung.

Sekian. Terima kasih.